

TEKS UCAPAN
UCAPTAMA NAIB CANSOLOR TAHUN 2017
17 FEBRUARI 2017
DEWAN THEATRETTE, BANGUNAN LESTARI

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH,

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM 1UPNM,

1. ALHAMDULILLAH, SEGALA PUJI BAGI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA, TUHAN YANG MEMILIKI SEGALA KHAZANAH ILMU. SELAWAT DAN SALAM KEPADA JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALALLAHU ALAIHI WASALLAM, AHLI KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA. MARILAH KITA SAMA-SAMA MENDOAKAN, SEMOGA PERHIMPUNAN UCAPTAMA NAIB CANSOLOR PADA PAGI INI DIBERKATI, DIRAHMATI DAN RITUAL INI JUGA AKAN DIANUGERAHKAN DENGAN AL-HIKMAH DALAM USAHA KITA MENUJU KEJAYAAN DUNIA DAN AKHIRAT. IN SHAA ALLAH.

2. UCAPTAMA YANG MENJADI SATU ACARA TAHUNAN INI SANGAT PENTING, DI MANA KITA BERPELUANG BUKAN SAHAJA MENGHIMPUNKAN WARGA UNIVERSITI SEBAGAI SATU KELUARGA BESAR YANG MEMPUNYAI PERSAMAAN MENGGALAS AMANAH, TETAPI JUGA MEMBOLEHKAN KITA MENDAPAT GAMBARAN HALA TUJU UNIVERSITI BAGI TAHUN 2017, YANG SEWAJARNYA MENJADI PANDUAN DAN RUJUKAN OLEH SEMUA PIHAK.

YANG BERBAHAGIA TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR,
PENOLONG NAIB CANSELOR,
KOMANDAN AKADEMI LATIHAN KETENTERAAN (ALK),
PARA PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI,
PEGAWAI DAN STAF-STAF PENTADBIRAN UNIVERSITI DAN **ALK**
SERTA TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, HADIRIN YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN.

3. UCAPTAMA PADA TAHUN INI YANG BERTEMAKAN **KELESTARIAN RELEVANSI UPNM** AKAN MENGGARISKAN PERKARA-PERKARA PENTING YANG SEWAJIBNYA DIANGKAT SEBAGAI AGENDA UTAMA UNIVERSITI. MENURUT KAMUS DEWAN EDISI KEEMPAT, KELESTARIAN MEMBAWA MAKSUD "YANG TIDAK BERUBAH ATAU YANG TERPELIHARA SEPERTI ASAL". MANAKALA 'RELEVANSI' YANG BERASAL DARI KATA DASAR 'RELEVAN'

MEMBAWA MAKSUD “KAITAN ATAU HUBUNGANNYA DENGAN APA YANG DIBICARAKAN”. OLEH DEMIKIAN, DALAM KONTEKS **UPNM**, KELESTARIAN RELEVANSI MEMBAWA MAKSUD BAHAWA KESELURUHAN ASPEK DI DALAM EKOSISTEM UNIVERSITI TERMASUK GOVERNAN DAN TADBIR URUS, PEMERKASAAN AKADEMIK, PENYELIDIKAN DAN INOVASI, PEMBANGUNAN SAHSIAH PELAJAR, KERJASAMA STRATEGIK, SERTA PENGANTARABANGSAAN UNIVERSITI PERLU DIGARAP DAN SENTIASA DIPASTIKAN TUJUANNYA BAGI MEMENUHI DAN MENGEKALKAN MAKSUD ASAL PENUBUHAN UNIVERSITI YANG FOKUS DALAM BIDANG TUJAHAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN.

4. DALAM HAL INI, SAYA MELIHAT AKAN KEPERLUAN UNTUK KITA MENGHAYATI SEMULA **END STATE** UNIVERSITI INI IAITU UNTUK MELAHIRKAN GRADUAN **‘INTELLECTUAL LEADERS OF CHARACTER’**. DALAM MEREALISASIKAN HASRAT INI, KITA SENTIASA BERPANDUKAN KEPADA DASAR DAN POLISI YANG DIPERKENALKAN OLEH **KPT** YANG MANA DIPERKUKUHKAN LAGI DENGAN SISTEM SOKONGAN LAIN. INI TERMASUKLAH 10 LONJAKAN PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA (PENDIDIKAN TINGGI) 2015-2025 ATAU RINGKASANNYA **PPM(PT)**, SERTA SISTEM PENARAFAN TERMASUK **MYRA**, **SETARA**, DAN LAIN-LAIN. SECARA RINGKASNYA,

PERKARA-PERKARA YANG WAJIB KITA PERKUKUHKAN BAGI TAHUN-TAHUN AKAN DATANG TERMASUKLAH:

- i. KEPERLUAN MEMENUHI '**KPI**' BERDASARKAN 10 LONJAKAN **PPPM(PT) 2015-2025**;
- ii. PENGHAYATAN FALSAFAH, VISI DAN MISI UNIVERSITI;
- iii. PEMERKASAAN AKADEMIK (KEPERLUAN MEMPEROLEH AKREDITASI DAN PEMBANGUNAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU);
- iv. PEMERKASAAN PEMBANGUNAN HOLISTIK PELAJAR TERMASUK DALAM AKADEMIK, SUKAN, KEPIMPINAN, KESUKARELAWANAN, KEUSAHAWANAN (MELALUI PELBAGAI PROGRAM KHUSUS TERMASUK PROGRAM AL-FATEH, PROGRAM *AL-GHAZALI DIALOGUE* DAN LAIN-LAIN);
- v. PENGUKUHAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (PEROLEHAN DANA PENYELIDIKAN, PENDAFTARAN HAKCIPTA DAN *INTELLECTUAL PROPERTY*, SERTA PENGKOMERSILAN PRODUK HASIL PENYELIDIKAN);
- vi. PEMERKASAAN *CENTRE OF EXCELLENT* (COE) DAN PENGWUJUDAN **COE** BAHARU. INI TERMASUKLAH USAHA DAN PERSEDIAAN MENAIKTARAF **COE** KEPADA **HICOE**;
- vii. PENGUKUHAN ASPEK PENGANTARABANGSAAN UNIVERSITI;

- viii. KEPERLUAN UNTUK MEMENUHI EKSPEKTASI PEMEGANG TARUH IAITU KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI DAN KEMENTERIAN PERTAHANAN;
- ix. PENGLIBATAN AKADEmia DALAM MENAWARKAN KHIDMAT KONSULTANSI DAN NASIHAT KEPAKARAN DALAM PEMBANGUNAN POLISI ATAU DASAR KERAJAAN;
- x. KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA PIHAK INDUSTRI/UNIVERSITI DALAM & LUAR NEGARA; DAN
- xi. PENINGKATAN PRESTASI DALAM SISTEM PENARAFAN (**MYRA, SETARA, MYMOHES** DAN LAIN-LAIN)

PARA HADIRIN SEKALIAN,

5. ALHAMDULILLAH, PADA BULAN NOVEMBER TAHUN 2016 YANG LALU, KITA TELAH MERAIKAN ULANGTAHUN SEDEKAD PENUBUHAN **UPNM** DENGAN PENGANJURAN ACARA GILANG GEMILANG. SECARA RELATIFNYA, USIA 10 TAHUN TENTULAH DIKIRA MASIH MUDA DALAM KONTEKS SEBUAH INSTITUSI ILMU. NAMUN BAGI **UPNM**, SAYA SECARA PERIBADI MELIHAT BAGAIMANA KETERBUKAAN, PENERIMAAN DAN ADAPTASI UNIVERSITI TERHADAP PERUBAHAN

ARUS PERDANA, KITA TELAH BERJAYA MENCORAK DAN MENGUKUHKAN BIDANG TUJAHAN YANG DIAMANAHKAN.

6. DARI SEBUAH UNIVERSITI KECIL, **UPNM** SEDIKIT DEMI SEDIKIT TELAH MEMBANGUN DENGAN PERTAMBAHAN STAF DAN PELAJAR, PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, DAN PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU. DALAM TEMPOH 10 TAHUN INI, **UPNM** TELAH MENYAKSIKAN PELBAGAI PERISTIWA KEJAYAAN YANG AMAT MEMBANGGAKAN. PELBAGAI KEJAYAAN YANG DILAKAR INI BERTITIK TOLAK DARI KECEMERLANGAN PARA AKADEMIA, TENAGA KERJA SERTA PELAJAR YANG SALING MENYOKONG DAN MENDOKONG ASPIRASI UNIVERSITI.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

7. DALAM KITA MENEMPUH TAHUN 2017 DAN TAHUN MENDATANG, SEKALI LAGI INGIN SAYA INGATKAN BAHAWA SETIAP SUMBANGAN TUAN-TUAN SAMA ADA KECIL ATAU BESAR KEPADA UNIVERSITI AMAT BERMAKNA DAN DISANJUNG TINGGI. TAHUN 2016 YANG BARU LALU TELAH MENYAKSIKAN EVOLUSI DAN PENCAPAIAN YANG AMAT MEMBERANGSANGKAN. PELBAGAI USAHA PENAMBAHBAIKAN TELAH KITA LAKUKAN SECARA BERTERUSAN. DALAM HAL INI, *ENGAGEMENT* ATAU KETERLIBATAN SELURUH WARGA UNIVERSITI

AMATLAH SIGNIFIKAN DALAM USAHA MENYERLAHKAN SINERGI DALAM MEMACU UNIVERSITI KE ARAH KEGEMILANGAN YANG SELAYAKNYA SEBAGAI GEDUNG ILMU. SUKACITA SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN '**JUTAAN TERIMA KASIH**' KEPADA SELURUH WARGA **UPNM** DAN **ALK** YANG TELAH SAMA-SAMA BERADA DALAM SAF DEMI MEMACU KECEMERLANGAN **UPNM** SEPANJANG TAHUN 2016. SETERUSNYA, MARI KITA SAMA-SAMA IMBAS KEMBALI PENCAPAIAN BAGI TAHUN 2016 SEPERTI YANG TERTERA DI SLAID :

PARA HADIRIN SEKALIAN,

8. SAYA MELIHAT BAHAWA KITA MEMILIKI KELEBIHAN DAN KEPAKARAN DALAM MENAWARKAN PROGRAM-PROGRAM YANG BERSESUAIAN DENGAN KEPERLUAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DAN BADAN-BADAN PENGUATKUASA YANG LAIN. SEKIRANYA PERKARA INI DAPAT DIREALISASIKAN, MAKA KITA BOLEH MENGADAKAN ENROLMEN KHUSUS UNTUK PARA PEGAWAI PENGUATKUASA DARIPADA AGENSI-AGENSI BERKAITAN. USAHA INI TELAH PUN DIRINTIS SECARA RASMI DENGAN TERMAKTUBNYA KERJASAMA DI ANTARA **UPNM** DAN **INTERNATIONAL POLICING AND JUSTICE INSTITUTE (UNIVERSITY OF DERBY)** PADA BULAN

FEBRUARI 2016 YANG LALU BAGI PENAWARAN PROGRAM DENGAN POLIS DIRAJA MALAYSIA. PENUBUHAN 'KURSI PENGAJIAN KESELAMATAN' **UNIVERSITY OF DERBY-UPNM** DI BAWAH USAHASAMA INI DIJANGKA AKAN MENGUKUHKAN LAGI KEDUDUKAN **UPNM** SEBAGAI **UNIVERSITI** PENERAJU TUJAHAN DAN KESELAMATAN. SELAIN ITU, PADA TAHUN 2016 KITA JUGA TELAH MENUBUHKAN KURSI KEPIMPINAN MELALUI DANA DARIPADA LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (**LTAT**) BERJUMLAH RM 1 JUTA YANG DIKHUSUSKAN BAGI MEMBIAYAI PENGISIAN PROGRAM DAN AKTIVITI KEPIMPINAN.

9. UNTUK MAKLUMAN JUGA, SECARA RASMINYA KITA TELAH MENUBUHKAN EMPAT LAGI PUSAT KECEMERLANGAN IAITU:

- i. PUSAT KAJIAN PENTROPIKALAN (ATAU RINGKASANNYA **CENTROP**);
- ii. PUSAT PENYELIDIKAN PERTAHANAN KIMIA (ATAU RINGKASANNYA **CHEMDEF**);
- iii. PUSAT PENYELIDIKAN PENGURUSAN BANTUAN KEMANUSIAAN DAN BENCANA (**HUMANITARIAN AND DISASTER RELIEF-HADR**);
DAN

- iv. PUSAT WILAYAH UNDANG-UNDANG TENTERA DAN UNDANG-UNDANG KEMANUSIAAN ANTARABANGSA (*THE REGIONAL CENTRE FOR MILITARY AND INTERNATIONAL HUMANITARIAN LAW - CoMIHL*).**

PARA HADIRIN SEKALIAN,

10. DALAM USAHA PENGUKUHAN UNIVERSITI PULA, PELAN TINDAKAN JUGA SEDANG DIRENCANAKAN KE ARAH MEREALISASIKAN PENUBUHAN TIGA FAKULTI DAN DUA JABATAN BAHARU IAITU:

- i. FAKULTI KEJURUTERAAN PENERBANGAN DAN AEROANGKASA;
- ii. FAKULTI PENGAJIAN STRATEGI;
- iii. FAKULTI TEKNOLOGI MARITIM;
- iv. JABATAN PENGAJIAN UNDANG-UNDANG; DAN
- v. JABATAN PENGAJIAN ISLAM PERTAHANAN

11. SEPERTI TAHUN-TAHUN SEBELUM INI, KITA SENTIASA Mencari ruang dan peluang menjalinkan kerjasama strategik baharu bersama pihak industri dan institusi terkemuka dari dalam dan luar negara. Sehingga kini, secara kumulatifnya kita telah berjaya menjalin

KERJASAMA PROGRAM AKADEMIK MELALUI **OFFSETS** BERSAMAAN
DENGAN JUMLAH MELEBIHI RM 80 JUTA.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

12. UNTUK KEKAL RELEVAN, KITA SEDIA MAKLUM ORGANISASI PERLU TERUS SEPAKAT DALAM MERELISASIKAN VISI DAN MISI YANG DIPERSETUJUI BERSAMA. SEKIRANYA SUDAH TIDAK RELEVAN DENGAN KEPERLUAN SEMASA, ANGGOTA ORGANISASI AKAN PATAH SEMANGAT, KESATUAN YANG DIBINA BAKAL RUNTUH DAN KACAU BILAU.

13. OLEH YANG DEMIKIAN, KITA SEMUA PERLU ADA RASA 'KHUATIR'. KHUATIR DALAM KONTEKS PENGURUSAN UNIVERSITI DAPAT DITERJEMAHKAN SEBAGAI PENILAIAN AKAN 'RISIKO' YANG MUNGKIN TERJADI. MAKA PERLUNYA KITA UNTUK BERUSAHA SEDAYA UPAYA MEMENUHI EKSPEKTASI PEMEGANG TARUH UNTUK KEKAL SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI PERTAHANAN YANG UNIK DAN BUTIK DENGAN PENUH BERHATI-HATI. KITA PERLU ADA RASA KHUATIR AKAN APA YANG MUNGKILN TERJADI SEKIRANYA KITA TERUS DIBUAI RASA SELESA YANG AKHIRNYA MENGHAKIS RELEVANSI KITA.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

14. PADA 12 JANUARI 2017 YANG LALU, SAYA DAN PEGAWAI TERTINGGI UNIVERSITI TELAH MENGHADIRI MAJLIS AMANAT 2017 MENTERI PENDIDIKAN TINGGI. SECARA RINGKASNYA, PENGISIAN AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI DI MAJLIS TERSEBUT BERKISAR MENGENAI TEMA '*REDESIGNING HIGHER EDUCATION*' ATAU '*MEREKA BENTUK PENDIDIKAN TINGGI*' DIMANA MERANGKUMI KONSEP UTAMA YANG DIPERKENALKAN OLEH KPT, TERMASUKLAH PELAKSANAAN:

- a) *CEO @ FACULTY PROGRAMME;***
- b) *iCGPA (INTEGRATED CUMULATIVE GRADE POINT AVERAGE);***
- c) *2U2i (2 YEARS IN UNIVERSITY, 2 YEARS IN INDUSTRY);***
- d) *APEL (ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING);***
- e) *MOOCS (MASSIVE OPEN ONLINE COURSES);***
- f) *COMMONALITIES AND COLLEGIALITY;***
- g) *TVET***
- h) *INTERNATIONALIZATION; DAN***
- i) *TRANSLATIONAL RESEARCH;***

15. DENGAN SOKONGAN DAN DOKONGAN DARIPADA LPU SERTA PENGURUSAN UNIVERSITI, SAYA YAKIN KITA DAPAT MEMASTIKAN HALA TUJU UPNM SEIRING DENGAN 10 LONJAKAN YANG TELAH DIGARISKAN DALAM PPPM (PT).

16. INI TERMASUKLAH PERENCANAAN UNIVERSITY TRANSFORMATION PROGRAMME (UniTP) MELALUI BUKU PANDUAN ATAU PLAYBOOKS YANG DILANCARKAN OLEH KPT. SELAIN ITU, KITA JUGA AKAN MERINTIS USAHA DALAM MELAKSANAKAN KONSEP YANG DIPERKENALKAN OLEH KPT SEPERTI YANG TELAH SAYA NYATAKAN.

17. DEMI KELESTARIAN RELEVANSI UPNM, SELAIN MENJALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI BERPRESTIJ LUAR NEGARA, SUDAH TIBA MASA KITA BERSIAP SEDIA UNTUK MENERIMA KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA DI UPNM. HAL INI SANGAT PENTING DALAM MENEMPATKAN NAMA UPNM DALAM LANDSKAP PENDIDIKAN TINGGI ANTARABANGSA SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI YANG DISEGANI DAN DIIKTIRAF. USAHA INI JUGA BERTEPATAN SEBAGAI PERSEDIAAN UNTUK KITA MEMASUKI SISTEM PENARAFAN DAN RANKING UNIVERSITI ANTARABANGSA PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

18. SEIRING DENGAN PENGUMUMAN YB MENTERI PENDIDIKAN TINGGI BAHAWA TAHUN 2017 DIUMUMKAN SEBAGAI TAHUN “PENYELIDIKAN TRANSLASIONAL” ATAU (***TRANSLATIONAL RESEARCH***), SAYA MENYERU AGAR PARA AKADEMIA MENONJOLKAN DIRI DALAM MELAKUKAN PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI, KHIDMAT KONSULTANSI DALAM PEMBANGUNAN DASAR DAN POLISI PENTING NEGARA, PENEROKAAN ILMU BAHARU DALAM BIDANG TERSEBUT, SERTA PENGKOMERSILAN HASIL PENYELIDIKAN YANG DAPAT MEMBERIKAN MANFAAT KEPADA NEGARA. SAYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA PIHAK UNIVERSITI AKAN SENTIASA MEMBERIKAN SOKONGAN PADU TERHADAP PARA AKADEMIA UNTUK MELAKUKAN APA JUGA AKTIVITI AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN DI DALAM BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING DIREALISASIKAN.

19. KITA JUGA SEWAJIBNYA MEMUPUK BUDAYA PENYELIDIKAN DAN INOVASI DI KALANGAN PELAJAR. SAYA MELIHAT INI MERUPAKAN CABARAN YANG SANGAT BESAR DALAM USAHA MEMBENTUK GRADUAN YANG KREATIF DAN INOVATIF. UMUM MENGETAHUI BAHAWA GENERASI MASA KINI ATAU LEBIH DIKENALI DENGAN ISTILAH **GENERASI Y** ADALAH GOLONGAN MUDA YANG SIFAT PERSEKITARAN HIDUP MEREKA LEBIH CENDERUNG DAN CUKUP MAHIR DALAM PENGGUNAAN TEKNOLOGI. DEWASA INI, PERSOALAN MENGENAI **TECHNOLOGY VS HUMAN TOUCH** KERAP DIUTARAKAN. TIADA SALAHNYA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI DI DALAM MEMBANTU PENYELESAIAN MASALAH. NAMUN DEMIKIAN, HARUSLAH DIINGAT BAHAWA SETIAP PERBUATAN HARIAN TERUTAMANYA DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN, *HUMAN TOUCH* YANG BERSIFAT *INTANGIBLE* BEGITU DIPERLUKAN CONTOHNYA SIFAT *EMPATHY*, *COMMON SENSE*, *HUMAN REASONING* DAN SEBAGAINYA. JANGANLAH DISEBABKAN *TECHNOLOGY ADVANCEMENT* INI MEMBUAT KITA MENJADI HAMBA TEKNOLOGI.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

20. PELAJAR, PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN, SERTA AMALAN TADBIR URUS TERBAIK ADALAH NADI KEPADA UNIVERSITI. KESEMUA ELEMEN INI MERUPAKAN GABUNGAN YANG PERLU DIGARAP DENGAN KEMAS. PRINSIP CEKAP, AMANAH DAN TELUS ATAU (*COMPETENCY, ACCOUNTABILITY AND TRANSPARENCY - CAT*) MESTILAH MENJADI TUNJANG PERKHIDMATAN.

21. HARUS DIINGAT JUGA, SEGALA TEGURAN DAN CADANGAN YANG TELAH DIBERIKAN MELALUI PELBAGAI SIRI AUDIT YANG TELAH DIJALANKAN DI **UPNM** PERLU DIBERI PERHATIAN YANG SERIUS. SETIAP TEGURAN DAN CADANGAN INI MENUNJUKKAN BAHAWA MASIH TERDAPAT RUANG PENAMBAHBAIKAN YANG BOLEH DAN PERLU DILAKUKAN.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

22. BERIKUTAN KEADAAN EKONOMI DUNIA YANG TIDAK MENENTU, NEGARA KITA JUGA TURUT MENERIMA TEMPIAS TERUTAMANYA EKORAN PENURUNAN HARGA MINYAK DUNIA SERTA KEJATUHAN NILAI MATA WANG RINGGIT MALAYSIA.

23. INI BERMAKNA, **UPNM** SEBAGAI SEBUAH BADAN BERKANUN YANG MENERIMA PERUNTUKAN DARIPADA KERAJAAN JUGA TELAH TERKESAN AKIBAT DARIPADA KETIDAK TENTUAN EKONOMI INI. PERUNTUKAN BELANJA MENGURUS KITA PADA TAHUN INI TELAH DIKURANGKAN SEBANYAK **RM 3.95 JUTA** IAITU **4 PERATUS** BERBANDING JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 2016.

24. OLEH ITU, AMAT PENTING BAGI **UPNM** MENGAMALKAN PERBELANJAAN BERHEMAH. KITA MESTI MENGGUNAKAN PENDEKATAN **“DO MORE WITH LESS”** AGAR KITA DAPAT MENGADAPTASIKAN IMPAK EKONOMI INI SECARA EFEKTIF. LANGKAH-LANGKAH PENJIMATAN HENDAKLAH DIAMBIL OLEH SEMUA PIHAK. DALAM USAHA PENGUKUHAN DANA UNIVERSITI PULA, KITA TELAH MENGAMBIL BEBERAPA PENDEKATAN YANG STRATEGIK. INI TERMASUKLAH PENGUKUHAN CABANG PERNIAGAAN **UPNM HOLDINGS** YANG SEHINGGA KINI KITA LIHAT TELAH MULA MENUNJUKKAN HASIL YANG POSITIF. BAGI TAHUN 2016, **UPNM HOLDINGS** TELAH BERJAYA MENCATATKAN KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SEBANYAK **RM 2.62 JUTA**. MANAKALA SECARA KUMULATIF TELAH MENCATATKAN KEUNTUNGAN SEBANYAK **RM 6.61 JUTA**.

25. SELAIN ITU, SALAH SATU USAHA YANG TELAH KITA RINTIS IALAH MEWUJUDKAN DANA WAKAF YANG SECARA RASMINYA TELAH DITUBUHKAN, YANG MANA MEMERLUKAN SOKONGAN PADU SELURUH WARGA DAN ALUMNI **UPNM**.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

26. CABARAN YANG TELAH SAYA UTARAKAN TADI MEWAJIBKAN KITA SELURUH WARGA UNIVERSITI MENZAHIRKAN PEKERJAAN DAN PERKHIDMATAN KITA SEBAGAI SATU AMANAH. MARILAH BERSAMA SAYA MELAKUKAN YANG TERBAIK UNTUK MEMASTIKAN CABARAN YANG DIHADAPI OLEH UNIVERSITI DAPAT DIHARUNGI DAN DITANGANI SEBAIKNYA. MELALUI PENDEKATAN BERSTRATEGI, SUDAH SEMESTINYA SEMUA INI JUGA MENUNTUT KOMITMEN YANG TIDAK BERBELAH BAHAGI DARIPADA BARISAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI, PENGURUSAN TERTINGGI SERTA SETIAP WARGA UNIVERSITI.

27. SEBAGAI INSTITUSI UNIK YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM MENEROKA ILMU DAN MEMBANGUNKAN INSAN YANG BAKAL MENGGALAS TUGAS MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN IBU PERTIWI, KEMAKMURAN DAN KEAMANAN SEJAGAT, SAYA BERHARAP SETIAP WARGA **UPNM** SENTIASA BERBANGGA DAN

TERUJA DENGAN AMANAH DAN PERANAN INI. JUSTERU, SAYA INGIN MENGAJAK SETIAP WARGA **UPNM** UNTUK TERUS BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN SERTA MELAKSANAKAN AMANAH INI DENGAN PENUH KEIKHLASAN.

28. KITA SEMUA ADALAH KELUARGA BESAR DALAM ORGANISASI INI. KITA MEMEGANG AMANAH YANG MANA KITA SEMUA AKAN DITANYA MENGENAI APA YANG KITA LAKUKAN DALAM MELAKSANAKAN AMANAH INI KELAK. HAL INI BERTEPATAN DENGAN FIRMAN ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA DALAM SURAH AL - ANFAL AYAT 27 YANG BERMAKSUD:

“HAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN, JANGANLAH KAMU MENGKHIANATI ALLAH DAN RASUL (MUHAMMAD) DAN (JUGA) JANGANLAH KAMU MENGKHIANATI AMANAT-AMANAT YANG DIPERCAYAKAN KEPADAMU, SEDANG KAMU MENGETAHUI”.

29. WALAUPUN PELBAGAI RINTANGAN PERLU KITA HADAPI, SAYA YAKIN DENGAN SEPENUH HATI BAHAWA SEMANGAT KITA TIDAK AKAN PERNAH LUNTUR, DAN SETIAP KEPUTUSAN PENTING YANG KITA PERSETUJUI SECARA KONSENSUS ADALAH SEMATA-MATA DENGAN NIAT IKHLAS DALAM MEMBANGUN ANAK BANGSA.

30. SEPERTI YANG KERAP KITA SEBUTKAN, KITA IMPIKAN BAHAWA PARA GRADUAN YANG LAHIR DARI UNIVERSITI INI AKAN MENJADI SEORANG PEMIMPIN YANG MEMILIKI 6 CIRI '**INTELLECTUAL LEADERS OF CHARACTER**' YANG MENGANGKAT TINGGI NILAI "**SELFLESS SERVICE TO THE NATION**". JUSTERU, SEMPENA KEDATANGAN TAHUN BAHARU INI, SAYA MENGAJAK SEMUA WARGA **UPNM** MENGAMBIL SEMANGAT YANG BARU UNTUK SAMA-SAMA BEKERJA DAN MELAKSANAKAN APA YANG TELAH KITA BINCANG, RANCANG DAN PUTUSKAN SECARA KOLEKTIF.

31. KEPADA PARA AKADEmia, PEGAWAI DAN STAF PENTADBIRAN SERTA WARGA **ALK**, PERANAN ANDA SEBAGAI 'PENDIDIK', 'PEMBIMBING' DAN 'PEMUDAHCARA' DALAM MENJALANKAN AMANAT MEMBENTUK "INSAN BUDIMAN" DALAM KALANGAN PELAJAR MESTI DISULAMI DENGAN NILAI-NILAI MURNI.

32. TAMBAHAN PULA, UNIVERSITI INI SANGAT BERBEZA DENGAN UNIVERSITI AWAM YANG LAIN, DIMANA WARGANYA TERDIRI DARIPADA 3 KELOMPOK IAITU STAF AWAM, PENSYARAH TENTERA DAN STAF **ALK**. LANTARAN ITU, SUDAH TENTUNYA KITA DAPAT MELIHAT ALIRAN PEMIKIRAN YANG BERBEZA-BEZA DALAM MENYELESAIKAN SUATU ISU. SEHARUSNYA KITA MENSYUKURI DAN

MERAIKAN PERBEZAAN PENDAPAT DAN PANDANGAN INI SEBAGAI SATU RAHMAT. PENDEKATAN SECARA INSANI PERLU DIAMBIL, AGAR PERBEZAAN DAPAT DIURUSKAN SECARA POSITIF, KONSTRUKTIF, TOLERANSI DAN DISEDIAKAN PLATFORM KONSULTASI DEMI MENCAPAI TITIK PERTEMUAN. DALAM SURAH AL-HUJURAT (AYAT – 13) ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA BERFIRMAN YANG BERMAKSUD:

"WAHAI UMAT MANUSIA! SESUNGGUHNYA KAMI MENCIPTAKAN KAMU DARI LELAKI DAN PEREMPUAN, DAN KAMI MENJADIKAN KAMU PELBAGAI BANGSA DAN BERSUKU PUAH, SUPAYA KAMU BERKENAL-KENALAN. SESUNGGUHNYA SEMULIA-MULIA KAMU DI SISI ALLAH IALAH ORANG YANG LEBIH BERTAQWA DI ANTARA KAMU. SESUNGGUHNYA ALLAH MAHA MENGETAHUI, LAGI MAHA MENDALAM PENGETAHUANNYA."

DALAM SURAH INI, FIRMAN ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA NYATA MENEKANKAN TENTANG PENCIPTAAN MANUSIA, SUPAYA MEREKA DAPAT KENAL-MENGENALI, DAN BUKAN SEKALI-KALI MEREKA SALING MUSUH MEMUSUHI ANTARA SESAMA MANUSIA.

33. SIKAP 'CAKAP TAK SERUPA BIKIN', KARENAH BIROKRASI YANG KETERLALUAN DAN AMALAN CARA KERJA 'IN SILO' MESTI DIHAPUSKAN DALAM URUSAN SEHARIAN. BERSATU HATI DAN BANTU-MEMBANTULAH DEMI MERAH KEJAYAAN DALAM LINGKUNGAN BIDANG KUASA YANG TELAH DIAMANAHKAN. KOMUNIKASI EFEKTIF ANTARA KETIGA-TIGA KELOMPOK WARGA MESTILAH DIBINA DENGAN HARMONI TANPA ADA PERASAAN SYAK WASANGKA, IRI HATI, BERPUAK-PUAK DAN SALAH GUNA KUASA. AKHIRNYA, APABILA KITA SEMUA SANGGUP MENGENEPIKAN EGO, BERLAPANG DADA DAN BERJIWA BESAR, IN SHAA ALLAH, SEGALA PERMASALAHAN AKAN DAPAT DISELESAIKAN DENGAN PENUH HIKMAH.

34. AKHIR KATA, SELAMAT MENEMPUH TAHUN BAHARU 2017. SEMOGA ALLAH MEMBERKATI USAHA-USAHA DAN MEMBERI HIDAYAH KEPADA KITA MENUJU KE JALAN YANG LURUS '*IHDINAS SIRATUL MUSTAQIM*'.

“DUTY, HONOUR, INTEGRITY”

SEKIAN, WABILLAHITAUFIKWALHIDAYAH

ASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAHIWABARAKATUH